

03/09/1998

Kawalan ringgit mampu kekang spekulator

Saidon Idris

PENGUMUMAN kerajaan kelmarin untuk melaksanakan sistem kadar pertukaran mata wang tetap dan memberhentikan sama sekali kegiatan urus niaga ringgit di luar negara tentunya menjadi berita buruk kepada spekulator mata wang.

Ini kerana, dengan menjadikan ringgit sebagai mata wang yang tidak bernilai di luar Malaysia, mereka sudah tidak mempunyai ruang lagi untuk menjalankan aktiviti spekulasi.

Namun keputusan kerajaan itu sudah tentunya menjadi berita baik kepada pelabur tulen.

Ini kerana, ia menjadi pelengkap kepada usaha kerajaan bagi menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan seterusnya menjana semula kegiatan ekonomi.

Semenjak bermulanya krisis kewangan, masyarakat korporat, serta pelabur dihantui dengan dua masalah utama, iaitu kesukaran mendapatkan pinjaman dan kadar faedah yang tinggi serta masalah di dalam membuat keputusan pelaburan kerana ketidaktentuan nilai ringgit.

Kadar faedah yang tinggi juga membantutkan langkah fiskal yang diambil oleh kerajaan.

Sehubungan itu, beberapa langkah diambil bagi mengatasi masalah berkenaan. Ini termasuk usaha menurunkan kadar faedah melalui pengurangan dalam kadar campur tangan tiga bulan Bank Negara Malaysia (BNM) dan penurunan dalam Keperluan Rizab Berkanun (SRR).

Langkah berkenaan berjaya menurunkan kadar faedah, tetapi ia memberikan kesan pula kepada kadar pertukaran, kerana kadar faedah yang rendah di dalam negara berbanding di luar negara akan menyebabkan dana tempatan keluar bagi mencari keuntungan jangka pendek.

Walaupun kesan daripada penurunan dalam kadar faedah terhadap kadar pertukaran tidak begitu ketara, tetapi kerajaan tentunya perlu mengambil langkah berhati-hati.

Ini kerana tiada gunanya menurunkan kadar faedah jika manfaat daripada penurunan itu akan ditimbus semula oleh penurunan dalam nilai ringgit.

Dalam pada itu rata-rata masyarakat pelabur baik tempatan mahupun asing mengatakan nilai ringgit yang tidak menentu, menyukarkan mereka untuk membuat keputusan pelaburan.

Kerana itu, mereka terpaksa menanggungkan rancangan pelaburan dan ini tentunya menyumbang kepada penguncupan ekonomi.

Oleh yang demikian, keputusan terbaru kerajaan ini walaupun dilihat sebagai drastik tetapi bertepatan dan dijangka membantu usaha pemulihan semula ekonomi negara.

Ia membolehkan kerajaan menurunkan kadar faedah dan memberikan kelegaan kepada masyarakat perdagangan yang menjadi jentera pembangunan ekonomi tanpa perlu merasa bimbang berlakunya penurunan kepada kadar pertukaran.

Seperti yang dikatakan pakar ekonomi Amerika, Profesor Paul Krugman dalam surat terbukanya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: "Kawalan terhadap pertukaran asing itu akan memberi ruang bernafas bagi pemulihan semula ekonomi."

Profesor Madya Kewangan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsir Mohd berkata: "Ia adalah satu langkah yang bijak."

"Sambil tidak memberikan ruang kepada spekulator untuk menjalankan kegiatan spekulasi terhadap ringgit, ia juga bersesuaian dengan langkah untuk menarik kemasukan pelaburan langsung asing (FDI)," tegasnya.

Tetapi apakah sebenarnya sistem kadar pertukaran tetap itu dan

bagaimanakah ia dilaksanakan?

Pada asasnya, apabila sesebuah negara memilih untuk melaksanakan sistem pertukaran tetap ini, kerajaan negara berkenaan melalui bank pusatnya akan menetapkan kadar pertukaran mata wangnya kepada suatu mata wang (biasanya dolar Amerika pada satu kadar yang dianggap selesa (kepada kerajaan dan peniaga).

BNM semalam mengumumkan penetapan kadar pertukaran ringgit kepada dolar Amerika pada kadar RM3.80 bagi AS\$1.00.

Bagi mengekalkan kadar pertukaran pada kadar yang telah ditetapkan itu, bank pusat akan terbabit secara aktif dalam pasaran mata wang antarabangsa.

Jika didapati terdapatnya penawaran yang tinggi dalam mata wang itu seterusnya mengurangkan nilainya, bank pusat negara terbabit akan membeli mata wang berkenaan, dan jika terdapat lebih permintaan, bank pusat itu akan menjual.

Menurut Dr Shamsir pada asasnya sistem kadar pertukaran tetap ini sama dengan tambatan tetapi kelebihanannya ia adalah lebih fleksibel kerana sesebuah negara yang melaksanakannya boleh merubah kadar pertukaran yang telah ditetapkan itu pada bila-bila masa.

Pada masa yang sama, sistem tambatan memerlukan sesebuah negara yang ingin melaksanakannya mempunyai rizab asing yang tinggi dan menubuhkan sebuah lembaga mata wang.

Sebagai contohnya jika Malaysia ingin menambat ringgit kepada dolar Amerika pada kadar RM3.80 bagi setiap AS\$1.00, lembaga mata wang yang ditubuhkan perlu mempunyai rizab mata wang Amerika sebanyak AS\$1.00 bagi setiap RM3.80 yang berada di pasaran.

"Tetapi rizab yang besar ini tidak diperlukan dalam kadar pertukaran tetap," kata Shamsir.

Pendekatan yang diambil Malaysia mengambil kira kesan kebaikan daripada sistem yang diamalkan China dan Chile.

China mengamalkan sistem pertukaran, di mana mata wangnya remiabi hanya sah diperlukan di negara itu saja tetapi kadar pertukaran masih dibiarkan terapung manakala Chile pula mengenakan kawalan terhadap kemasukan dana asing.

(END)